

HADIAH KEWANGAN KERAJAAN

MSN tunggu laporan Pesaka

Oleh
**RAHIME
MOHD YUSOFF**

SEBARANG keputusan mengenai Hadiah Kewangan Kerajaan kepada pesilat negara yang memenangi pingat di Kejuaraan Silat Sedunia berakhir Isnin lalu, bergantung kepada laporan lengkap Persekutuan Silat Kebangsaan (Pesaka).

PENAK-SILAT 11 DEC 1987

Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara (MSN), Haji Noh Abdullah, berkata selagi Pesaka tidak mengemukakan laporan mengenai kejuaraan itu, pihaknya tidak dapat membuat sebarang ketetapan mengenai Hadiah Kewangan Kerajaan itu.

B. Harian (M)

Katanya, MSN terpaksa menunggu hingga Pesaka menyerahkan laporan berkenaan sebelum sebarang tindakan lanjut dibuat.

Difahamkan selepas MSN menerima laporan itu, ia akan diserahkan kepada Kementerian Be-

lia dan Sukan (KBS) untuk diteliti sepenuhnya. Laporan itu juga akan dibincangkan pada mesyuarat lembaga yang akan dipengerusikan oleh Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak.

"Sebarang keputusan mengenai perkara ini bergantung kepada kekuatan laporan Pesaka mengenai kejuaraan itu," katanya.

Bagaimanapun, ujarnya, perkara itu sudah tentu mengambil masa untuk diputuskan, lebih lagi jika laporan yang dimaksudkan itu lambat disampaikan.

Pesaka ketika ini dipercayai sedang menyiapkan laporan mengenai pencapaian kejuaraan itu sebelum diserahkan kepada MSN.

Setiausaha Pesaka, Abdul Rahman Hassan kelmarin berkata pihaknya pasti mengemukakan permohonan kepada MSN supaya pesilat

yang mencatat kecemerlangan menerima ganjaran setimpal.

Pesilat-pesilat negara memperoleh tiga pingat emas kategori kejuaraan dan sebutir lagi untuk acara terbuka, di samping empat perak dan 12 gangsa kejuaraan yang disaksikan oleh 120,000 penonton selama enam hari itu.

Jika MSN mengakui kejuaraan itu setaraf kejohanan dunia yang lain, pesilat-pesilat kebangsaan yang memenangi pingat emas layak menerima \$80,000, perak \$40,000 dan gangsa \$20,000.